



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

---

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2013  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH**

---

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

---

---

**PANDUAN PEMARKAHAN**

---

Kertas ini mengandungi **2** halaman bercetak

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2013**  
**PENILAIAN MENENGAH RENDAH**

**PANDUAN PEMARKAHAN**  
**BAHASA MELAYU KERTAS 2**

**Bahagian A (i)**

**Kepentingan mengamalkan warisan budaya:**

1. Amalan budaya tradisional kita melambangkan sifat majmuk masyarakat kita.
2. Menunjukkan budi dan pekerti masyarakat Malaysia.
3. Memupuk perpaduan dan integrasi nasional
4. Daya tarikan pelancongan ialah warisan budaya kita.
5. Kita dapat mengetahui asal usul kita.
6. Kita tidak akan dihanyutkan oleh budaya bejat Barat.
7. Agar sentiasa relevan dan diingati oleh masyarakat, terutamanya generasi remaja.
8. Agar kita berjati diri teguh untuk menangkis segala anasir jahat yang mampu menggadaikan maruah diri dan keluarga.

**Markah bahasa (10 M)**

Cemerlang	09 - 10	Bahasa baik dan lancar Berupaya menggunakan ayat sendiri :Pemilihan kata yang tepat, ayat gramatis :Penanda wacana yang sesuai Ejaan dan tanda baca yang betul
Baik	06 - 08	Bahasa baik dan lancar Masih berupaya menggunakan ayat sendiri :Pemilihan kata yang agak terhad :ayat yang masih gramatis :penanda wacana masih sesuai Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Memuaskan	03 - 05	Bahasa kurang lancar Terdapat kesalahan yang ketara dalam ayat, ejaan dan tanda baca Menyalin ayat daripada petikan asal secara terpilih
Penguasaan Minimum	01-02	Penguasaan bahasa yang lemah Menyalin secara terus daripada petikan

**Markah Isi (10 M)**

Bilangan isi	Markah
5	9-10
4	7-8
3	5-6
2	3-4
1	1-2

**Menulis markah**

i) I - 10 B - 10 ---- 20 ----	ii) I- 10 B- 05 menyalin ----- terpilih 15 -----	iii) I- 8 tolak 50%- 04 B- - 02 ----- 06 ----- Menyalin petikan
---	---	--

**BAHAGIAN A(ii) - PEMAHAMAN**

Soalan 1: Maksud rangkai kata

2 m	Maksud tepat mengikut konteks dan ayat gramatis
1 m	Maksud tepat mengikut konteks tetapi ayat tidak lengkap Maksud kurang tepat mengikut konteks/isi tersurat sahaja Hanya memberikan sebahagian daripada maksud rangkai kata
0 m	Maksud tidak tepat mengikut konteks

Soalan 2 (4m)

4 m	-Isi dinyatakan dengan cukup serta lengkap dan ayat gramatis
3 m	-Isi cukup serta lengkap mengikut tugasan tetapi ayat kurang gramatis
2 m	-isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugasan tetapi ayat gramatis
1 m	-Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugasan dan ayat kurang gramatis
0 m	-Isi tidak mengikut tugasan tetapi ayat gramatis -Isi tidak mengikut tugasan dan ayat tidak gramatis

Soalan 3 : (4m)

4 m	-Isi relevan mengikut tugasan dan ayat gramatis
3 m	-Isi relevan mengikut tugasan tetapi ayat kurang gramatis
2 m	-Isi kurang relevan mengikut tugasan tetapi ayat gramatis
1 m	-Isi kurang relevan mengikut tugasan dan ayat kurang gramatis

**Bahagian A (ii)****PEMAHAMAN****Soalan 1**

Maksud rangkai kata *menjajahi minda*

Menjajah = mempengaruhi / menakluk / memerintah / menguasai

Minda = akal fikiran / akal / fikiran / daya berfikir

**Soalan 2**

- i. Masyarakat mesti didedahkan kepada kekayaan warisan budaya Negara.
- ii. Organisasi yang bertanggungjawab harus selalu menganjurkan kempen, ceramah, dan pameran
- iii. Pertubuhan-pertubuhan budaya harus disalurkan sumber kewangan untuk mereka menjalankan aktiviti kebudayaan.

**Soalan 3**

- warisan budaya akan dilupakan
- Generasi muda lupa akan asal usul
- Kemasukan budaya asing akan mudah mempengaruhi generasi muda

**BAHAGIAN B - KARANGAN BAHAN RANGSANGAN**

## Kriteria Penskoran

Cemerlang	16-20  (18-20)  (16-17)	- Ayat yang gramatis - Kata dan kosa kata luas dan tepat - Kesalahan penggunaan kata yang minimum - Ejaan dan tanda baca yang betul - Idea yang relevan berdasarkan tugas - Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan - Cadangan dan kesimpulan sesuai dan berkembang - Pengolahan yang menarik dan berkesan
Baik	11-15  (13-15)  (11-12)	- Ayat masih gramatis - kata dan kosa kata masih luas dan tepat - Kesalahan penggunaan kata yang minimum - Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum - Idea yang kurang relevan berdasarkan tugas - Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan masih sesuai tetapi kurang dikembangkan - Pengolahan masih menarik
Memuaskan	06-10  (08-10)  (06-07)	- Ayat kurang gramatis - Kata dan kosa kata yang terhad - Kesalahan penggunaan kata yang ketara - Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - Idea yang relevan berdasarkan tugas - Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan yang terhad. - Pengolahan tidak menarik
Penguasaan minimum	01-05	- Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap - Idea kabur/tidak berkaitan dengan tugas

**Cadangan Isi****Pendahuluan**

Pengenalan tentang kebersihan diri.

**Isi-isi**

Langkah-langkah yang perlu diamalkan untuk menjaga kebersihan diri :

1. Buang sampah di tempat yang disediakan
2. Menutup mulut ketika bersin dan batuk
3. Jangan meludah merata-rata
4. Jangan bersin dan batuk di hadapan makanan

**Penutup**

Semua pihak perlulah berganding bahu bagi meningkatkan amalan penjagaan kebersihan

## BAHAGIAN C - KARANGAN RESPON TERBUKA

### Kriteria Penskoran

Peringkat dan Markah	Bahasa	Idea	Pengolahan
<b>Cemerlang</b> 33-40  (37-40)  (33-36)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat</li> <li>- Penggunaan pelbagai jenis ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>- Penggunaan penanda wacana yang betul dan tepat</li> <li>- Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Idea yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh-contoh sesuai.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengolahan menarik dan berkesan dengan pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas.</li> <li>- Penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa ,pantun,cogan kata dan frasa yang menarik.</li> </ul>
<b>Kepujian</b> 25-32  (29-32)  (25-28)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat</li> <li>- Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>- Penggunaan penanda wacana yang sesuai pada keseluruhannya</li> <li>- Ejaan dan tanda baca yang betul</li> <li>- Penggunaan kosa kata yang luas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Idea yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengolahan menarik dengan pemerenggan yang sesuai dan format yang menepati kehendak tugas</li> <li>- Penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun,cogan kata dan frasa yang menarik.</li> </ul>
<b>Baik</b> 17-25  (21-24)  (17-20)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai</li> <li>- Penggunaan ayat majmuk gabungan yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>- Penggunaan kosa kata umum tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Idea masih relevan dengan huraian yang masih jelas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengolahan masih menarik dengan pemerenggan dan format yang masih sesuai mengikut tugas.</li> </ul>
<b>Memuaskan</b> 09-16  (13-16)  (09-12)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad</li> <li>- Penggunaan ayat yang mudah tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>- Penggunaan penanda wacana yang kurang tepat</li> <li>- Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Idea masih relevan/ idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengolahan kurang menarik dengan pemerenggan yang kurang sesuai dan format yang kurang tepat.</li> <li>- Format bercampur aduk.</li> </ul>
<b>Penguasaan Minimum</b> (05-08) (01-04)	<b>- Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap</b>		

**CADANGAN JAWAPAN****Soalan 1****Format : Tiada****Pendahuluan**

Berlaku kebakaran di rumah jiran

**Isi-isi cadangan**

- terdengar anak jiran meminta tolong
- keluar dari rumah dan terlihat kebakaran yang berlaku
- suasana menjadi kelam-kebut. Orang ramai datang membantu.
- ternampak anak jiran terperangkap di tingkat atas tanpa disedari oleh orang ramai.
- masuk ke dalam rumah jiran dan menyelamatkan anak jiran itu

**Penutup**

Jiran mengucapkan terima kasih

**Soalan 2****Format : Laporan****Pendahuluan**

Tarikh, masa, tempat kejohanan diadakan.

**Isi-isi**

- perbarisan rumah sukan
- acara-acara akhir yang dipertandingkan
- gerai-gerai jualan
- penyampaian hadiah

**Penutup**

Harapan agar kejohanan yang akan datang akan membawa kejayaan kepada rumah yang diwakili.

**Soalan 3****Format : Tiada****Pendahuluan**

Pengenalan aktiviti sukarelawan yang diadakan

**Isi-isi cadangan**

- belia tidak didedahkan dengan aktiviti sukarelawan oleh pihak sekolah
- belia lebih berminat dengan aktiviti hiburan
- kurang promosi daripada media massa
- belia inginkan ganjaran berbanding aktiviti suka rela.

**Penutup**

Harapan agar belia mempunyai kesedaran untuk menyertai aktiviti sukarelawan.

**Soalan 4****Format : Tiada****Pendahuluan**

Remaja kini semakin hilang semangat patriotik

**Isi-isi cadangan**

- ibu bapa membawa anak-anak melancong ke tempat bersejarah.
- ibu bapa memaparkan semangat nasionalisme yang tinggi kepada anak-anak.
- membawa anak-anak menyertai sambutan hari kemerdekaan negara
- menggunakan teknologi seperti internet untuk menghuraikan semangat patriotik kepada anak-anak.

**Penutup**

Kesan sekiranya semangat patriotik diterapkan terhadap anak-anak.

**Soalan 5****Format : Tiada**

Diharapkan calon dapat menulis sebuah cerita tentang seseorang yang melakukan perkara berfaedah sementara menanti sesuatu yang lebih baik.

**KAJIAN NOVEL (BAHAGIAN D)****10 MARKAH**

Pembahagian Markah

PERINCIAN	MARKAH
Isi	6 markah
Bahasa	4 markah

Kriteria Markah Bahasa

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	04	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa baik dan lancar</li> <li>• Ayat gramatis</li> <li>• Ejaan dan tanda baca yang betul</li> </ul>
Baik	02-03	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa masih baik dan masih lancar</li> <li>• Penggunaan ayat masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>• Kesalahan ejaan dan tanda bacaan minimum</li> </ul>
Memuaskan	01	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa tidak cekap</li> <li>• Ayat tidak gramatis</li> <li>• Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara</li> </ul>



Isi-isi cadangan :

**BAHAGIAN D**

<b><u>NOVEL MERENANG GLORA</u></b>		
Watak sampingan	Perwatakan	Contoh
<b>Shahrul</b>	Seorang yang materialistik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Shahrul terlibat dalam kegiatan penjualan telefon bimbit yang dicuri semata-mata untuk memperoleh wang bagi membeli barangan mewah dan berjenama</li> </ul>
	Seorang yang berlagak dan sombong	<ul style="list-style-type: none"> <li>Shahrul tidak betah tinggal di rumah teres kerana selama ini dia tinggal di rumah banglo.</li> </ul>
	Seorang yang suka berfoya-foya	<ul style="list-style-type: none"> <li>bercampur gaul dengan budak-budak motor dan melepak di kompleks beli-belah</li> </ul>
	Seorang yang suka panas baran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Shahrul mencekak kolar baju Kumar agar Kumar mengikut arahannya untuk menjual telefon bimbit secara ansuran.</li> </ul>
	Seorang yang suka mementingkan diri sendiri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Shahrul meninggalkan Nadira keseorangan ketika polis cuba menangkap rakan-rakan mat rempitnya.</li> </ul>
	Seorang yang pendendam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Shahrul meminta Din untuk memukul Badri bagi melepaskan dendamnya terhadap Badri.</li> </ul>
<b>Nadira</b>	Seorang yang tidak berpendirian tegas	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nadira mudah dipengaruhi Shahrul untuk mempercayai kes telefon bimbit yang dijumpai di dalam beg Badri.</li> </ul>
	Seorang yang ego dan sombong	<ul style="list-style-type: none"> <li>bersikap bona tidak bona akan nasihat Badri agar tidak terpengaruh dengan Shahrul yang suka menghabiskan masa dengan perkara tidak berfaedah.</li> </ul>
	Seorang yang tidak mendengar nasihat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nadira enggan menerima nasihat kakaknya, Nurul Ain yang menegur tentang penampilannya</li> </ul>
	Seorang yang tidak menghormati orang lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>meninggikan suara ketika kakaknya menegur tentang pakaiannya yang agak terdedah dan mencolok mata.</li> </ul>
	Seorang yang suka membazirkan masa	<ul style="list-style-type: none"> <li>sering membazirkan masa dengan bersiar-siar dan melepak di kompleks beli belah bersama-sama Shahrul.</li> </ul>
<b>Meng Kong</b>	Seorang yang tidak jujur	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meng Kong mencuri kad prabayar dan telefon bimbit lalu dijual kepada pelajar di sekolahnya.</li> </ul>
	Seorang yang mata duitan atau materialistik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meng Kong sanggup mencuri telefon bimbit di kedai ayahnya untuk mendapatkan wang sehingga mencecah hampir dua ribu ringgit.</li> </ul>
	Seorang yang patuh dan taat akan ibu bapa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meng Kong sanggup tinggal di asrama sekolah sepertimana yang diarahkan oleh bapanya.</li> </ul>

	Seorang yang insaf akan kesalahan yang dilakukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• setelah bapanya mengetahui perbuatan jahatnya melalui rakaman CCTV, dia memohon maaf daripada ayahnya dan berjanji tidak akan melakukan kesalahan itu lagi.</li> </ul>
--	--	---

### Watak dan perwatakan Sampingan

<b><u>NOVEL 6:20</u></b>		
Watak sampingan	Perwatakan	contoh
<b>Puan Delia</b>	Seorang yang berhati-hati	Ibu Sukma melarang Sukma daripada berjumpa dengan wanita tua, kanak-kanak dan isteri muda di hadapan pagar rumahnya.
	Seorang yang menghormati tetamu	Puan Delia menyuruh Sukma menyediakan kuih dan air kepada Rafiq.
	Seorang yang penyayang	Ibu Sukma menghadahi Sukma sebuah buku kerana risau akan diri Sukma yang dikatakan mengalami tekanan perasaan.
	Seorang yang berpenyakit darah tinggi	Doktor menasihati Puan Delia agar berehat di rumah.
	Seorang perisik	Puan Delia menyamar sebagai salah seorang ahli kumpulan WX2 dengan menjadi pemerhati dalam kumpulan tersebut untuk mengetahui pergerakan kumpulan tersebut.
<b>Tuan Haji Syakir</b>	Seorang yang bertanggungjawab	Melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pengerusi jawatankuasa kampung dengan penuh amanah.
	Seorang yang bersikap prihatin	Beliau berjaya mengumpulkan dana bagi membiayai pembedahan jantung dan rawatan kulit Ehsan.
	Seorang yang taat akan perintah Tuhan	Walaupun sibuk akan urusan harian, beliau tetap menunaikan solat pada setiap waktu.
	Seorang yang berjasa kepada rakyat	Beliau dihormati oleh masyarakat sekeliling kerana jasanya terhadap mereka..
	Seorang yang tidak emosional	Beliau sentiasa tenang dalam menyelesaikan perselisihan faham yang berlaku antara Sukma dan Puan Delia.
	Seorang yang boleh bertolak ansur	Beliau tidak memarahi Sukma apabila mengetahui bahawa Sukma pergi ke kelab WX2 seorang diri.
	Seorang yang pandai memujuk	Beliau menyuruh Sukma agar memohon maaf kepada ibunya dengan segera setelah Sukma berlaku kasar dengan ibunya.
<b>Iskandar</b>	Seorang yang prihatin	Nenek memberitahu sukma bahawa rakannya Jery dan Iskandar terlibat dalam

		aktiviti ruang sepi yang akan menyesatkan anak-anak muda
<b>Kak Ros</b>	Seorang yang cekal dan tabah	Kak Ros cekal dalam melaksanakan tugas dia dapat menangkap kumpulan ruang sepi termasuk ibu sukma
	Seorang yang berani menjalankan tugas	Kak Ros bertugas dengan penuh dedikasi sehingga dapat menangkap kumpulan ruang sepi.

**NOVEL CEMPAKA PUTIH UNTUKMU**

Watak sampingan	Perwatakan	Contoh
<b>Satiah (Tiah)</b>	Seorang yang menghormati dan mentaati ibu bapa.	Satiah sangat sayang akan ibu bapanya dan tidak berani mengingkari perintah ayahnya, seperti dia tidak mahu menyertai kumpulan belajar bersama dengan rakan sekelasnya kerana sedar bahawa bapanya tidak akan bersetuju
	Seorang yang ringan tulang dan rajin.	Ketika tinggal di rumah Hartini, dia sering membantu mama membuat kerja rumah tangga. Dia juga tekun mengulang kaji terhadap pelajarannya sehingga memperoleh keputusan yang cemerlang.
	Seorang yang bersikap tabah dan gigih	Dia sanggup menanggung penderitaan penyakitnya dan meneruskan sisa hayatnya dengan belajar secara berkomitmen. Ketika berada di sekolah berasrama penuh, dia sentiasa sabar dan tidak memberitahu Hartini atau ibu bapanya tentang keadaan penyakitnya yang semakin tenat
	Seorang sahabat yang ikhlas	Dia menjalin hubungan dengan Hartini yang datang dari bandar dengan ikhlas. Dia juga sayang akan Hartini sebagai sahabat dan saudara angkatnya. Buktinya ketika mengetahui Hartini dilokap akibat kes penagihan dadah, Satiah yang berada di asrama sangat gelisah dan menangis serta percaya bahawa Hartini pasti difitnah dalam kes tersebut
<b>Pak Morit</b>	Seorang bapa yang sayang akan anaknya	Ketika Satiah demam, dia terus masuk ke hutan untuk mencari ramuan ubat tradisional. Dia juga berusaha menyembuhkan penyakit anaknya walaupun dengan cara yang salah.
	Seorang ayah yang mementingkan pelajaran anaknya.	Untuk menjamin kejayaan anaknya dalam pelajaran, dia sanggup menyerahkan Satiah kepada Encik Hasrul sebagai anak angkat

		supaya Satiah dapat belajar bersama dengan Hartini di rumah Encik Hasrul.
	Seorang yang ego dan degil	Dia tidak sanggup menerima nasihat orang lain walaupun dipujuk dan dirayu oleh ibunya, Hasru dan Hartini. Dia tetap menolak permintaan mereka untuk memberikan rawatan moden kepada Satiah yang sakit tenat. Sikap egonya mengakibatkan Satiah terlewat untuk Mendapa t rawatan yang rapi.
Mak Sukin	Seorang ibu yang prihatin dan penyayang	Dia sangat sayang akan anaknya. Dia sanggup menjaga Satiah di hospital beberapa hari tanpa tidur.
Hasrul (papa Hartini)	Seorang ayah yang prihatin dan penyayang	Dia sayang akan anak dan mengambil berat terhadap pelajaran anaknya. Ketika mengetahui Hartini ditahan di balai polis kerana terlibat dalam kes dadah, dia telah menemui pihak polis dan pihak polis untuk membuat siasatan lanjut. Atas usahanya yang gigih dia berjaya mengesan dalang dalam sindiket najis dadah di asrama sekolah, iaitu Encik Kancho.
	Seorang yang baik hati dan suka menolong.	Apabila mengetahui masalah Satiah daripada anaknya , Hartini, Hasrul tidak keberatan untuk membantu Satiah dengan berbincang dengan bapanya Pak Morit supaya membenarkan belajar secara berkumpulan dengan Hartini. Dia sanggup menerima Satiah sebagai anak angkat supaya Satiah dapat belajar di rumahnya dengan baik. Dia juga sanggup menanggung kos perubatan Satiah ketika mendapat rawatan di hospital.
	Seorang yang mesra dan menghormati adat resam bangsa lain	Walaupun tidak setuju tentang cara Pak Morit yang meminta dukun untuk memberikan rawatan kepada Satiah, Hasrul tetap menghormati keputusan Pak Morit adat dan pantang larang kaum orang asli.

### PANDUAN PEMARKAHAN TAMAT